

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

28. Sila nyatakan bagaimakah pemantauan cerun-cerun bukit yang runtuh sebelum dan setelah baik pulih dilakukan.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

28. Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertanggungjawab terhadap pemantauan dan membaik pulih cerun-cerun bukit yang runtuh. Kerja-kerja pemantauan dan membaik pulih dilaksanakan mengikut kawasan zon di bawah bidang kuasa agensi-agensi tersebut.

Sebelum kerja-kerja mitigasi dijalankan, cerun-cerun yang telah runtuh akan dilindungi dengan memasang *canvas sheeting* di lokasi runtuhan tanah bagi mengelakkan hakisan tanah daripada terus berlaku. Untuk lokasi runtuhan tanah yang melibatkan kawasan jalan raya, pelan pengurusan trafik akan dilaksanakan dengan segera. Pemantauan pergerakan tanah akan dijalankan dari masa ke masa untuk menentukan tahap keselamatan cerun yang telah runtuh serta tindakan susulan yang perlu diambil.

Setelah kerja-kerja membaik pulih cerun siap dilaksanakan, pemantauan berkala akan dijalankan oleh pihak JKR atau PBT.

Pemantauan terhadap struktur-struktur yang telah dibina di kawasan cerun turut akan dijalankan oleh pihak JKR atau PBT secara berkala bagi memastikan tiada kegagalan atau kerosakan berlaku.